

PENGENALAN KEPADA KONSEP WARISAN ISLAM DAN PEMELIHARAANNYA MENURUT PERSPEKTIF AL QURAN

Mikdar Rusdi¹, Mohd. Hisyam Abdul Rahim², Shakila Ahmad³, Hussain Othman⁴

¹*Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*
mikdar@uthm.edu.my

²*Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*
mdhisyam@uthm.edu.my

³*Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*
shakila@uthm.edu.my

⁴*Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*
hussain@uthm.edu.my

ABSTRAK

Sudah menjadi pandangan umum bahawa warisan merupakan peninggalan generasi lampau yang menjadi tatapan generasi sekarang, ianya datang sebagai pusaka atau panduan dan renungan bagi generasi berikutnya yang prihatin dengan perjalanan sebuah tamadun. Pemahaman umat islam tentang Warisan sering dipahami hanya terhad kepada pembahagian harta pusaka sahaja manakala intipatinya lebih daripada itu, oleh yang demikian tulisan ini cuba mengemukakan suatu pandangan mengenai konsep warisan yang terdapat dalam al-Qur'an dengan berpandukan kepada sistem pentafsiran tematik al-Qur'an, di mana fakta-faktanya banyak dijumpai pada ayat-ayat yang mengandungi kisah (sejarah) nabi-nabi dan rasul, dan ini mempunyai nilai warisan yang menjadi renungan dan tatapan umat-umat yang datang selepasnya. Makalah ini terfokus pada persitilahan warisan, konsep warisan, bentuk-bentuknya serta bagaimana membina formula pelestarian warisan.

Kata kunci: warisan Islam, pemeliharaan, perspektif, al-Quran

1.0 PENDAHULUAN

Islam adalah agama yang universal dan kitab sucinya telah merungkai pelbagai istilah warisan yang menjadi rujukan kepada umat islam di abad ini, kitab suci al Quran datang dengan begitu unique, seolah-olah menceritakan perjalanan peradaban umat manusia bermula daripada nabi Adam a.s. sampai kepada nabi Muhammad s.a.w. yang direkodkan melalui wahyu al-Qur'an. Warisan yang telah disebutkan dalam al-Qur'an memberi cahaya kepada para sejarawan Islam untuk mendalami apa yang berlaku sejak zaman nabi Adam a.s. hingga kepada nabi Muhammad s.a.w. dengan pebagai torehan sejarah yang direkodkan dalam al Quran ataupun dalam hadis-hadis Nabi s.a.w.

Al-Quran dalam membentangkan tajuk sejarah atau kisah-kisah yang disebut dengan istilah *Qashashul Quran* (kisah-kisah al-Quran) kuantitinya lebih banyak berbanding dengan ayat-

ayat yang membincangkan tentang hukum. Hal ini memberikan isyarat bahwa al-Quran sangat mengambil berat tentang kisah dalam al-Qur'an, ini kerana di dalamnya banyak mengandung pelajaran (ibrah). Sesuai dengan firman Allah:

لَقَدْ كَانَ فِي قَصَصِهِ عِبْرَةٌ لِّأُولَئِكَ الْأَلَّبِ مَا كَانَ حَدِيثًا يُفْتَرَى وَلَكِنْ تَصْدِيقٌ لِّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ
وَتَفْسِيلٌ كُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ¹

Maksudnya:

Demi sesungguhnya, kisah Nabi-nabi itu mengandungi pelajaran yang mendarangkan iktibar bagi orang-orang yang mempunyai akal fikiran. (Kisah Nabi-nabi yang terkandung dalam Al-Quran) bukanlah ia cerita-cerita yang diada-adakan, tetapi ia mengesahkan apa yang tersebut di dalam Kitab-kitab ugama yang terdahulu daripadanya, dan ia sebagai keterangan yang menjelaskan tiap-tiap sesuatu, serta menjadi hidayah petunjuk dan rahmat bagi kaum yang (mahu) beriman.

Peristilahan warisan yang disebutkan dalam al-Qur'an bukan hanya terhad kepada perbahasan ilmu faraid atau yang berkaitan dengan harta pusaka tetapi lebih daripada itu yang merangkumi warisan nabi-nabi dan rasul yang masih dikenang sehingga sekarang. Dan warisan yang seumpama ini masih dilestarikan melalui pendekatan ibadah, renungan dan amalan.

Di sisi lain perlu juga dipahami bahawa Islam bukanlah peninggalan sejarah, demikian juga manhajnya, jika manhaj harus dikatakan sebagai penginggalan sejarah agama, tentunya tidak seperti pemahaman Barat terhadap pengertian istilah-istilah ini, dengan demikian orang yang memiliki paradigma islami tidak dapat dikatakan sebagai ahli sejarah. Manhaj Islam tidak layak dikatakan sebagai peninggalan sejarah kerana Islam lebih dari sekadar itu².

Makalah yang singkat ini cuba memperkenalkan penyebutan istilah warisan dalam al-Qur'an, bentuk-bentuk warisan dalam al-Qur'an dan bagaimana kesannya pada masa kini dalam konteks *tafsir maudu'i*.

2.0 WARISAN DALAM AL-QUR'AN

Warisan adalah istilah yang berkait rapat dengan sejarah , di mana ada warisan di situ ada nilai sejarah di dalamnya. Warisan juga boleh dikategorikan sebagai sesuatu yang diwarisi secara turun-temurun. Menurut kamus dewan, warisan boleh bermaksud dengan harta peninggalan, harta pusaka, sesuatu yang diwarisi, sesuatu yg turuntemurun atau peninggalan³.

Istilah *Kitab turath* Di dalam literatur Islam atau kitab-kitab klasik yang berbahasa Arab yang dituliskan oleh ulama-ulama terdahulu cenderung untuk diistilahkan dengan kitab *turath* atau terjemahan dalam bahasa melayu *buku warisan* kerana ianya masih tetap dilestarikan dan dijadikan rujukan dan pegangan utama dalam menghadapi kemusykilan umat.

¹ Yusuf 12:111

² Anwar Jundi, *Islam dan dunia kontemporer*, Gema Insani Press, hlm 9

³ Kamus Dewan edisi ke 4

Al-Qur`an memuatkan perkataan warisan dalam tiga bentuk iaitu dengan lafaz ورث dan lafaz *mushtaqatnya* yang disebutkan sebanyak 35 kali dan bentuk yang kedua dengan lafaz ترك dan yang ketiga dengan *sighat istifham*, *dzarf zaman*, *fi il amr* yang dapat difahami adanya kandungan warisan atau sejarah di dalamnya, ketiga bentuk ini dapat dilihat pada keterangan berikut:

1. Perkataan warisan dengan lafaz ورث boleh dijumpai dengan asal kata dan pecahan kalimatnya seperti (يرثها, أورثموها, يرثون, يرثا, وأورثنا, ورثوا, الوارثون , يرثي ويرث, نرث, نرثه , والوارثين, ورثة, التراث) yang disebutkan sebanyak 35 kali.

Seperti firman Allah swt:

وَأَوْرَثَكُمْ أَرْضَهُمْ وَدِيرَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ وَأَرْضًا لَمْ تَطْعُوهَا وَكَانَ اللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرًا⁴

Maksudnya:

Dan Ia menjadikan kamu mewarisi tanah-tanah dan rumah-rumah serta harta benda mereka, dan juga tanah-tanah (di negeri-negeri lain) yang belum kamu menjelaknya. Dan (ingatlah) adalah Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

Pada ayat yang lain :

وَلَقَدْ أَتَيْنَا مُوسَى الْهُدَىٰ وَأَوْرَثْنَا بَنِي إِسْرَائِيلَ الْكِتَابَ⁵

Maksudnya:

Dan sesungguhnya Kami telah memberikan hidayah petunjuk kepada Nabi Musa dan Kami wariskan kaum Bani Israil Kitab Taurat,

Lafaz ورث pada kedua ayat di atas memberi maksud warisan dan mengandungi bentuk-bentuk warisan peninggalan sama ada dalam bentuk harta, rumah-rumah, negeri ataupun kitab suci.

Lafaz ورث dan *mustaqatnya* di atas boleh dikategorikan sebagai asal peistilahan warisan dalam al-Qur`an, lafaz *waratsa* dan pecahan kalimatnya dapat digolongkan kepada beberapa aspek perbahasan termasuk harta pusaka, warisan sejarah, warisan bumi dan langit, kitab-kitab samawy, peninggalan sejarah nabi dan rasul termasuk syurga sebagai tempat balasan bagi orang yang bertakwa nanti di akhirat dan Allah menilainya sebagai suatu warisan yang akan diperturunkan kepada hambanya yang beriman.

2. Lafaz ترك juga digunakan dalam al-Qur`an untuk memberi maksud menginggalkan, membiarkan, meninggalkan wasiat, meninggalkan nama baik, peninggalan atau mewariskan. Dan kesemua lafaz ترك disebutkan sebanyak 43 kali bersamaan dengan lafaz *musytaqat*-nya. Dan kandungan utama dari keseluruhan lafaz ترك itu mengandungi beberapa topik perbahasan antaranya: harta pusaka, wasiat, peninggalan, dan lain-lain. Seperti firman Allah S.W.T. (al-Baqarah : 180 al-Qamar : 15, al-Safat : 129, al-Ankabut : 35, al-Fajr : 19)

⁴ Al-Ahzab 33: 27

⁵ Ghafir 40 : 53

كُتِبَ عَلَيْكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدُكُمُ الْمَوْتُ إِنْ تَرَكَ خَيْرًا أَلْوَصْصَيْةُ لِلْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ بِالْمَعْرُوفِ حَقًّا
عَلَى الْمُتَّقِينَ⁶

Maksudnya:

Kamu diwajibkan, apabila seseorang dari kamu hampir mati, jika ia ada **meninggalkan** harta, (hendaklah ia) membuat wasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabat dengan cara yang baik (menurut peraturan ugama), sebagai suatu kewajipan atas orang-orang yang bertaqwa.

وَقَالَ لَهُمْ نَبِيُّهُمْ إِنَّ إِيمَانَكُمْ مُّلْكٌكُمْ أَنْ يَأْتِيَكُمُ الْتَّابُوتُ فِيهِ سَكِينَةٌ مِّنْ رَّبِّكُمْ وَبِقِيَّةٌ مِّمَّا تَرَكَ
ءَالُّمُوسَىٰ وَءَالُّهَرُونَ تَحْمِلُهُ الْمَلَائِكَةُ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ مُّؤْمِنِينَ⁷

Maksudnya:

Dan Nabi mereka, berkata lagi kepada mereka: "Sesungguhnya tanda kerajaan Talut itu (yang menunjukkan benarnya dari Allah) ialah datangnya kepada kamu peti Tabut yang mengandungi (sesuatu yang memberi) ketenteraman jiwa dari Tuhan kamu, dan (berisi) sebahagian dari apa yang telah **ditinggalkan** oleh keluarga Nabi-nabi Musa dan Harun; peti Tabut itu dibawa oleh malaikat. Sesungguhnya peristiwa kembalinya Tabut itu mengandungi satu tanda keterangan bagi kamu jika betul kamu orang-orang yang beriman".

Peninggalan yang ditinggalkan oleh keluarga Nabi Musa dan Nabi Harun ada beberapa pendapat antaranya: tongkat Nabi Musa as, baju Nabi Musa as, ilmu dan kitab Taurat, kain sorban Nabi Harun as.⁸

Di sisi yang lain nama yang harum pun boleh juga dikategorikan sebagai warisan seperti firman Allah S.W.T.:

وَتَرَكَنَا عَلَيْهِ فِي الْأَخْرِينَ⁹

Maksudnya:

Dan Kami kekalkan baginya (nama yang harum) dalam kalangan orang-orang yang datang kemudian:

3. Selain daripada kedua bentuk di atas, terdapat juga lafaz yang mengandungi nilai warisan yang tersirat di sebalik penyebutan ayat al-Qur'an seperti lafaz من قبـل المـتر¹⁰, أثـارـة خـلـفـك آيـة, هل اـتـاكـ اـذـكـرـواـ
- yang sedikit sebanyak mengandungi arti peristiwa yang berlaku sebelum nabi Muhammad s.a.w. dan lafaz seumpama ini adalah signal kepada nabi dan rasul dengan umatnya baik sebelum nabi Muhammad s.a.w. ataupun pada zaman turunya al-Qur'an dan bentuk ini lebih sesuai diistilahkan dengan kisah di dalam al-Qur'an. Konten al-Qur'an yang berkaitan dengan umat-umat terdahulu

⁶ Al-Baqarah : 180

⁷ Al-Baqarah : 248

⁸ Al-Alusy, Shihab al-Din Mahmud ibn Abd Allah al-Husainy, Ruh al-Maany fi Tafsir al-Qur'an al-Azim wa sab' al-Mathany, juz 1 hal 40

⁹ Al-Saffat : 78

¹⁰ Al-Ahqaf 46 : 4

adalah suatu kisah yang benar dan periyawatan peristiwan-peristiwanya adalah benar dan jujur¹¹. Ini kerana Allah yang menceritakan kisah itu, bahkan Allah sendiri yang mengistilahkan dengan istilah *al-Qasas al-Haq* seperti firmannya pada ayat:

إِنَّ هَذَا لَهُوَ الْقَصَصُ الْحَقُّ وَمَا مِنْ إِلَهٍ إِلَّا اللَّهُ لَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ¹²

Maksudnya:

Sesungguhnya ini ialah kisah-kisah yang benar; dan tiadalah Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Allah; dan (ingatlah), sesungguhnya Allah, Dia lah jua Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

Bahkan pada kisah-kisah tertentu Allah beri pengiktirapan sebagai kisah yang terbaik. Seperti dalam firmannya:

خَنْ نَقْصُ عَلَيْكَ أَحْسَنُ الْقَصَصِ بِمَا أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ هَذَا الْقُرْءَانَ وَإِنْ كُنْتَ مِنْ قَبْلِهِ لَمِنْ
الْغَافِلِينَ.¹³

Maksudnya:

Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad) seindah-indah kisah dengan jalan Kami wahyukan kepadamu Al-Quran ini, padahal sebenarnya engkau sebelum datangnya wahyu itu, adalah dari orang-orang yang tidak pernah menyedari akan halnya.

Sheikh Manna` Qattan memberi kesimpulan bahawa penyebutan kisah yang terdapat dalam al-Qur`an dapat dibahagiakan kepada tiga bahagian, iaitu:

- a) Kisah para Nabi, yang mengandungi dakwah mereka kepada kaumnya, mukjizat-mukjizat yang ada pada mereka, sikap para penentang, perkembangan dakwah dan akibat-akibat yang diterima orang-orang yang mendustakannya seperti kisah Nabi Ibrahim, Nabi Musa, Nabi Muhammad s.a.w. dan selainnya.
- b) Kisah-kisah yang berkaitan dengan kejadian-kejadian umat-umat terdahulu termasuk kisah orang-orang yang tidak dapat dipastikan kenabiaanya, seperti kisah Thalut, Jalut, dua putra Adam, Ashahab al-Kahfi, Zulqarnai, Ashabul Ukhud dan lain-lain.
- c) Kisah-kisah yang berkaitan dengan peristiwa yang berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w. seperti perang badar, uhud, tabuk dan lain-lainya¹⁴

Dari ketiga pembahagian sejarah yang disebutkan di dalam al-Qur`an semuanya mempunyai nilai warisan yang masih diwarisi sampai sekarang seperti Nabi Ibrahim dengan warisan Ka`bah dan *Masy`aril Haram*, Nabi Musa dengan peninggalannya

¹¹ Khalidy, salah abd al-Fattah, ma`a *Qasas al-Sabiqina fi al-Qur`an*, terjemahan Setiawan Budi Utomo, Gema Insani Press, Jakarta 1999, hlm 22

¹² Ali Imran 3 : 62

¹³ Yusuf 12 : 3

¹⁴ Manna` Khalil al- Qattan, *Mabahith fi Umul al-Qur`an*, Muassasah al-Risalah, Beirut, 2000, hlm 306

seperti gunung Tursina, Mummi Fir'aun, Ashabul Kahfi dengan guanya, Nabi Muhammad s.a.w. dengan al-Qur'an dan peninggalan-peninggalannya yang masih diwarisi seperti mesjid Quba, mesjid qiblatain, dan peninggalan yang masih dikenang seperti peristiwa perang Uhud, khadak dan perang badar.

Syaikh Manna` Qattan menyebutkan bahawa ada 6 perkara mengenai fungsi dan hikmah kisah di dalam al-Qur'an iaitu:

1. Menjelaskan prinsip-prinsip dakwah agama Allah, yaitu bahwa semua ajaran para Rasul intinya adalah tauhid.
2. Untuk mengukuhkan hati Nabi Muhammad saw dan umatnya dalam beragama Islam dan menguatkan kepercayaan orang-orang mukmin tentang datangnya pertolongan Allah dan hancurnya kebatilan
3. Untuk menunjukkan bukti kerasulan Muhammad saw. Sebab beliau meskipun tidak pernah belajar tentang sejarah umat-umat terdahulu, tapi beliau dapat tahu tentang kisah tersebut. Semua itu tidak lain berasal dari wahyu Allah.
4. Untuk membenarkan nabi-nabi terdahulu dan mengekalkan sejarahnya serta melestarikan warisannya.
5. Mengungkap kebohongan ahli kitab yang telah menyembunyikan isi kitab mereka yang masih murni.
6. Untuk menarik perhatian para pendengar dan menggugah kesadaran diri mereka melalui penuturan kisah¹⁵.

3.0 BENTUK-BENTUK WARISAN DALAM ISLAM

Al-Qur'an telah menyebutkan pelbagai jenis warisan Islam dunia yang masih dirasakan dan dikenang hingga kini, bahkan hingga ke hari kiamat kerana mempunyai nilai tersendiri serta diabadikan dalam pelbagai cara, apatah lagi didokumentasikan oleh Pencipta alam ini. Berdasarkan kepada ketiga bentuk asal perkataan warisan yang disebutkan dalam al-Qur'an di bawah ini penulis akan sebutkan beberapa contoh warisan dalam al-Qur'an antaranya:

1) Mummi Firaun dan Nabi Musa a.s.

Mummi fir'aun telah diabadikan namanya di dalam al-Qur'an sebagai simbolik daripada orang yang paling angkuh di muka bumi ini, Allah ingin menjadikan sebagai tanda-tanda kekuasaanNya dan ianya dijadikan sebagai tatapan generasi yang datang berikutnya. Firman Allah S.W.T. :

فَالْيَوْمَ نُنَحِّيَكَ بِبَدْنَكَ لِتَكُورَ لِمَنْ خَلْفَكَ إِعْيَةً وَإِنَّ كَثِيرًا مِّنَ النَّاسِ عَنْ أَيْتَنَا لَغَافِلُونَ

16

Maksudnya:

"Maka pada hari ini, Kami biarkan engkau (hai Firaun) terlepas dengan badanmu (yang tidak bernyawa, daripada ditelan laut), untuk menjadi tanda bagi orang-orang yang di belakangmu (supaya mereka mengambil itibar). Dan (ingatlah) sesungguhnya kebanyakan manusia lalai daripada (memerhati dan memikirkan) tanda-tanda kekuasaan Kami!".

¹⁵ Manna` Khalil al-Qattan, Mabahith fi Umul al-Qur'an, Muassasah al-Risalah, Beirut, 2000, hlm 307

¹⁶ Yunus 10 : 92

Konteks ayat ini jelas memberi keterangan bahawa jasad fir'aun diselamatkan daripada tenggelam ke dalam laut, hal ini cukup memberi i'tibar kepada umat yang datang berikutnya di mana susah digambarkan orang yang tenggelam di tengah lautan kemudian selamat tanpa menggunakan perlatan keselamatan yang moden, di sisi lain terdapat beberapa kajian dan tafsiran mengenainya bahkan penemuan yang dipercayai bahawa mummi fir'aun masih utuh sampai sekarang, misalnya :

Pada tahun 1898 M, Loret telah menemukan mummi di Thebes di lembah raja-raja –Wadi al-Muluk–, mummi tersebut teridentifikasi sebagai jenazah dari Fir'aun Merneptah yang dipastikan sebagai anak dari Fir'aun Ramses II. Di samping ditemukan mummi dari Merneptah juga ditemukan mummi dari Ramses II dalam keadaan utuh. Merneptah adalah Fir'aun yang mengejar-ngejar nabi Musa hingga ke laut dan mati tenggelam di laut, sedang Ramses II adalah fir'aun yang hidup persis sebelumnya, kedua-duanya hidup pada masa nabi Musa as¹⁷.

Kemudian, pada tanggal 8-7-1907, Elliot Smith¹⁸ membuka pembalut mummi Merneptah untuk memeriksa badannya. Kemudian Elliot Smith menulis buku The Royal Mummies pada tahun 1912, dalam buku tersebut dijelaskan, ketika Eliot Smith membuka pembalut mummi pada tahun 1907, mummi tersebut dalam keadaan baik dan utuh walaupun ada kerusakan di beberapa bagian. Setelah Eliot Smith meneliti mummi tersebut pada 1907, mummi tersebut dipamerkan di musium Kaherah dengan kepala dan leher terbuka tanpa pembalut supaya setiap pengunjung dapat melihat dengan jelas, sedang badannya ditutup kain supaya dapat terlindungi dari kerusakan kerana kelembaban udara dan bakteri.

Yang paling penting dan berharga dengan penemuan mummi Merneptah dan hasil penelitian Eliot Smith yang menyaksikan mummi Merneptah secara utuh adalah sebagai bukti yang nyata bahawa mummi yang ditemukan adalah dari raja Fir'aun yang mati tenggelam di laut. Bukti itu sangat penting, karena menyangkut kemukjizatan Al-Qur'an¹⁹

Maurice Bucaille dalam syarahan umum bil.3 Universiti Sains Malaysia (USM) pada 2 Jun 1989 yang bertajuk *asal usul manusia, sains dan kitab suci*, beliau menjelaskan bahawa beliau telah terpilih untuk merawat *mummy* Mereptah (Firaun), dan beliau telah ditunjukkan beberapa ayat al-Quran yang di antara lain menerangkan bahawa jasad Firaun akan kekal sebagai petunjuk (*sign*) kepada manusia untuk generasi akan datang. Beliau merasa takjub apabila mendapati al-Quran telah menyatakan dengan tepat tentang jasad Firaun sejak dari zaman Nabi Musa.

Beliau kemudiannya mempelajari bahasa Arab untuk mendalami al-Quran. Ketika itu beliau berusia 50 tahun. Hasilnya, beliau mendapati bahawa pernyataan al-Quran tentang fenomena semula jadi hanya boleh difahami melalui pengetahuan sains moden. Dalam buku-bukunya Dr. Bucaille telah menumpukan kepada persoalan tentang kebenaran yang terkandung di dalam kitab-kitab suci agama monoteistik dan membandingkannya dengan data-data saintifik²⁰.

¹⁷ G. Maspero, Guide to the Cairo Museum, translated by J.E. and A.A. Quibell, 1903, hlm 445

¹⁸ G. Elliot Smith, The Royal Mummies

¹⁹ <http://ibnumariam.wordpress.com/2010/01/06/penemuan-mummi-fir%E2%80%99aun-dan-kebenaran-al-quran/> 21/10/2010

²⁰ <http://www.penerbit.usm.my/pen2006/SSU/MABbm.html> 20/10/2010

2) Ka`bah, Hajar Aswad, Maqam Ibrahim, telaga Zam-Zam, Bukit Safa dan Marwah

Ka`bah merupakan kiblat umat Islam seluruh dunia terletak di tengah-tengah mesjid Haram menyimpan banyak nilai warisan yang masih dikenang hingga kini, ka`bah pertama kali dibina oleh Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail dan diwarisi hingga hari kiamat, warisan Nabi Ibrahim ini dilestarikan melalui pendekatan ibadah disamping sebagai arah kiblat bagi orang yang sembahyang juga sebagai rukun haji dan umrah iaitu tawaf di sekeliling ka`bah bagi orang yang melaksanakan haji atau umrah.

Selain daripada itu tempat Nabi Ibrahim berdiri ketika membina ka`bah atau yang disebut dengan *Maqam Ibrahim* juga masih kekal hingga sekarang, dan ianya dilestarikan dengan membina tempat khas yang diberi nama *Maqam Ibrahim* dan juga dilestarikan melalui pendekatan ibadah dengan melaksanakan solat sunat dua rakaat di belakang *Maqam Ibrahim* selepas tawaf. Firman Allah S.W.T. :

وَإِذْ جَعَلْنَا الْبَيْتَ مَثَابَةً لِلنَّاسِ وَأَمَّا وَآتَحْدُوا مِنْ مَقَامِ إِبْرَاهِيمَ مُصْلَىٰ وَعَهِدْنَا إِلَىٰ إِبْرَاهِيمَ

وَإِسْمَاعِيلَ أَنْ طَهَرَا بَيْتَ لِلطَّاهِرِينَ وَالْعَكَفِينَ وَالرُّكْعَعَ السُّجُودَ²¹

Maksudnya:

Dan (ingatlah) ketika Kami jadikan Rumah Suci (Baitullah) itu tempat tumpuan bagi umat manusia (untuk Ibadat Haji) dan tempat yang aman; dan jadikanlah oleh kamu Makam Ibrahim itu tempat sembahyang. dan Kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail (dengan berfirman): "Bersihkanlah Rumahku (Kaabah dan Masjid al-Haraam dari segala perkara yang dilarang) untuk orang-orang yang bertawaf, dan orang-orang yang beriktfak (yang tetap tinggal padanya), dan orang-orang yang rukuk dan sujud".

Di sebelah ka`bah terdapat telaga Zam-Zam, Bukit Safa dan Marwah yang juga masih dinilai sebagai warisan Islam sejak Nabi Ibrahim a.s. Peristiwa ini berlaku ketika Allah menempatkan Nabi Ibrahim dan keluarganya di tengah-tengah lembah yang tandus kemudian Allah beri kehidupan dengan terpancunya air zamzam keluar dari tanah kemudian diberi nama zam zam.

Proses pencarian air untuk menyara anaknya Ismail, Nabi Ibrahim berjalan dan berlari sehingga sampai di bukit safa kemudian terus lagi ke bukit marwah. Peristiwa ini dilestarikan dalam Islam dengan ibadah iaitu melaksanakan sa`i antara Safa dan Marwah, dan dijadikan sebagai salah satu rukun haji dan umrah. Firman Allah :

إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَابِ اللَّهِ فَمَنْ حَجَّ الْبَيْتَ أَوْ أَعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَطْوَفَ بِهِمَا

وَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَإِنَّ اللَّهَ شَاكِرٌ عَلَيْهِ²²

Maksudnya:

Sesungguhnya "Safa" dan "Marwah" itu ialah sebahagian daripada Syiar (lambang) ugama Allah; maka sesiapa yang menuaikan ibadat Haji ke Baitullah atau mengerjakan Umrah, maka tiadalah menjadi salah ia bersaie

²¹ Al-Baqarah 2 : 125

²² Al-Baqarah 2 : 158

(berjalan dengan berulang-alik) di antara keduanya. Dan sesiapa yang bersukarela mengerjakan perkara kebajikan, maka sesungguhnya Allah memberi balasan pahala, lagi Maha Mengetahui.

3) Arafah, Muzdalifah (Masy`aril Haram) dan Mina

Arafah adalah tempat wukuf bagi orang yang melaksanakan haji dan tempat ziarah bagi orang datang melaksanakan umrah, perkataan “Arafah” berasal daripada bahasa arab iaitu عرف maksudnya “mengetahui” manakala penamaan Arafah ada beberapa pendapat antaranya:

- Nabi Adam a.s. dipertemukan kembali dan mengenal hawa di tempat itu setelah dikeluarkan dari syurga
- Nabi Ibrahim mengetahui tempat itu ketika bermimpi untuk menyembelih putranya Ismail
- Malaikat Jibril mengajarkan dan memperkenalkan manasik haji kepada para nabi-nabi²³

Di sisi yang lain Masy`aril Haram atau kawasan sekitar muzdalifah juga mengandungi beberapa nilai warisan sejarah yang masih diabadikan, setiap tahun kawasan ini dikunjungi oleh umat Islam seluruh dunia, ini menunjukkan bentuk pelestarian Muzdalifah sebagai kawasan yang pernah diduduki oleh nabi dan rasul, Allah mengingatkan umat Islam agar berzikir ketika sampai di Masy`aril Haram. Seperti firmanya:

فَإِذَا أَفْضَتُم مِّنْ عَرَفَتِ فَادْكُرُوا اللَّهَ عِنْدَ الْمَشْعَرِ الْحَرَامِ وَادْكُرُوهُ كَمَا هَدَنَاكُمْ وَإِنْ كُنْتُم مِّنْ قَبْلِهِ لَمِنَ الظَّالِمِينَ²⁴

Maksudnya:

Kemudian apabila kamu bertolak turun dari padang Arafah (menuju ke Muzdalifah) maka sebutlah nama Allah (dengan doa, "talbiah" dan tasbih) di tempat Masy'ar Al-Haraam (di Muzdalifah), dan ingatlah kepada Allah dengan menyebutnya sebagaimana Ia telah memberikan petunjuk hidayah kepadamu; dan sesungguhnya kamu sebelum itu adalah dari golongan orang-orang yang salah jalan ibadatnya.

Perintah berzikir ketika sampai di Muzdalifah dalam bentuk talbiah, tahlil, takbir dan tahmid adalah bentuk simbolik pelestarian kawasan itu bagi orang yang melaksanakan ibadah haji dan umrah.

Muzdalifah adalah kawasan yang terletak di tengah-tengah antara Arafah dan Mina, bagi orang yang melaksanakan ibadah haji dan telah wukuf di Arafah diwajibkan mabit di muzdalifah²⁵ sekaligus mengambil batu-batu untuk persipan melontar di mina sebaik sahaja

²³ Al-Mawardi, Abu al-Hasan ^cAli bin Muhammad bin Habib al-Basry al-Bughdady, *al-Nukat wa al-^cUyūn*, Dār al-Kutub al-^cIlmiyah, Beirut, t.thn, JuzukII, Hal 112.

²⁴ Al-Baqarah 2 : 198

²⁵ Mabit di muzdalifah adalah wajib haji bagi mazhab Syafi`I dan Hanafi, dan sunat muakkad bagi bagi mazhab malikiyah.(Tantawy, Muhammad al-Sayyid, *al-Tafsir al-Wasith li al-Qur'an al-Karim*, Dār al-Ma^cārif, al-Qahirah, 1993 Juzuk 1, hal 31)

sampai di tempat jamrah. Di muzdalifah terdapat lembah yang disebut dengan lembah muhassar²⁶ (وادي محسر) atau lembah yang dikepung, di tempat inilah Abrahah dan bala tenteranya dikepung oleh burung ababil sehingga hancur tak berdaya. Kisah tentera bergajah Abrahah diabadikan namanya di dalam al-Qur`an dengan surah al-fil, dalam peristiwa tersebut Abrahah hendak menghancurkan ka`bah dengan kekuatannya tetapi apalah nilai kekuatannya bila dibandingkan dengan kekuatan Allah

Mina adalah salah satu destinasi ziarah pada musim umrah dan salah satu wajib haji bagi yang melaksanakan haji iaitu mabit (bermalam) di Mina dan melontar di Jamrah. Kawasan Mina tidak terlepas dari warisan sejarah, di situ mengingatkan peristiwa sejarah Nabi Ibrahim yang masih diabadikan iaitu melontar di tiga tempat Jamrah (Ula, Wustha dan Aqabah). Tempat jamrah sebagai tempat dimana Nabi Ibrahim digoda oleh syaitan supaya tidak menyembelih anaknya Ismail, menurut mujahid Nabi Ibrahim melangsungkan niat penyembelihan anaknya di mina²⁷

Ketika Nabi Ibrahim diperintahkan menyembelih anaknya, syaitan datang menghalau niatnya ketika berjalan menuju ke arah tempat penyembelihannya, tetapi Nabi Ibrahim dapat mengawalnya, lalu malaikat jibril membawanya ke Jamrah Aqabah, di sanalah syaitan datang lagi mengacau, lalu Nabi Ibrahim a.s. membaling batu tujuh kali, oleh kerana syaitan tidak akan pernah mengalah maka datang lagi menghalauanya di Jamrah Wustha lalu Nabi Ibrahim membaling tujuh batu, Setelah keduanya berserah bulat-bulat (menjunjung perintah Allah itu), Nabi Ibrahim merebahkan anaknya dengan meletakkan irungan mukanya di atas tompok tanah, dengan kesungguhan azamnya untuk menjalankan perintah Allah, kemudian mendengar seruan "wahai Ibrahim engkau telah menunaikan maksud mimpimu itu"²⁸ peristiwa ini diceritakan dalam firman Allah S.W.T.

فَمَمَا بَلَغَ مَعَهُ الْسَّعْيَ قَالَ يَبْنِي إِنِّي أَرَى فِي الْمَنَارِ أَنِّي أَذْهَكُ فَانْظُرْ مَاذَا تَرَى قَالَ يَتَأْبَتِ أَفْعَلَ مَا تُؤْمِرُ
سَتَحْدِدُنِي إِنْ شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّابِرِينَ ﴿١٧﴾ فَلَمَّا أَسْلَمَاهَا وَتَلَهُ لِلْجَنِينِ ﴿١٨﴾ وَنَدِينَهُ أَنْ يَتَابِرَاهِيمُ قَدْ
صَدَّقَ الْرُّءْيَا إِنَّا كَذَلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ ﴿١٩﴾

Maksudnya:

Maka ketika anaknya itu sampai (ke peringkat umur yang membolehkan dia) berusaha bersama-sama dengannya, Nabi Ibrahim berkata: "Wahai anak kesayanganku! Sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku akan menyembelihmu; maka fikirkanlah apa pendapatmu?". Anaknya menjawab: "Wahai ayah, jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu; Insya Allah, ayah akan mendapati daku dari orang-orang yang sabar".Setelah keduanya berserah bulat-bulat (menjunjung perintah Allah itu), dan Nabi Ibrahim merebahkan anaknya dengan meletakkan irungan mukanya di atas tompok tanah, Serta Kami menyerunya: "Wahai Ibrahim! "Engkau telah menyempurnakan maksud mimpi yang engkau lihat itu". Demikianlah sebenarnya Kami membalas orang-orang yang berusaha mengerjakan kebaikan.

4) Langit dan bumi (alam sekitar)

²⁶ Ibn Qayyim, Zad al-Ma`ad juzuk 2 hlm 233

²⁷ Ibn Kathīr, Isma`il Bin `Umar bin Kathīr Al-Dimashqy Abu Al-Fida, Qasas al-Anbiya juzuk 1 hlm 213

²⁸ Ibn Kathīr, Isma`il Bin `Umar bin Kathīr Al-Dimashqy Abu Al-Fida` , Tafsir Al-Qur`an Al-`Azīm, Tahqīq Muhammad `Ali Al-Sabūny, Dār Al-Qur`an Al-Karīm Beirūt, Cet.1, 1393H Jilid II Hal.224.

Warisan Allah yang paling besar dan bermakna bagi umat manusia adalah langit dan bumi, di mana keduanya bergantung kehidupan ekosistem di bumi ini, di dalam al-Qur`an diterangkan warisan bumi dan langit sebagai amanah kepada manusia. Warisan bumi dan langit disebutkan sebanyak 8 kali²⁹ iaitu dalam surah al-A`raf ayat 100, 128 dan 137, surah Maryam ayat 40, surah al-Anbiya : 105, surah al-Ahzab : 27, surah al-Zumar : 74 dan surah al-Hadid ayat 10. Dari kesemua ayat yang menceritakan warisan bumi dan langit dapat disimpulkan dalam beberapa hal berikut:

- a) Bumi ini kepunyaan Allah, diwariskan kepada sesiapa yang dikehendakiNya dari hamba-hambaNya; dan yang boleh berbuat baik terhadap warisan ini adalah orang-orang yang bertaqwa.seperti firman Allah :

إِنَّ الْأَرْضَ لِلَّهِ يُورِثُهَا مَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ وَالْعِقَبَةُ لِلْمُتَّقِينَ - الأعراف 128

Maksudnya:

Sesungguhnya bumi ini kepunyaan Allah, diwariskannya kepada sesiapa yang dikehendakiNya dari hamba-hambaNya; dan kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertaqwa".

- b) Warisan bumi dan langit adalah kepunyaan Allah

وَمَا لَكُمْ أَلَا تُنفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَهُ مِيرَاثُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ - الحديد 10

Maksudnya:

Dan mengapa kamu tidak membelanjakan harta benda kamu pada jalan Allah?
- Padahal Allah jualah yang mewarisi langit dan bumi (serta segala isinya).

- c) Bumi ini Allah peruntukkan dan wariskan kepada hamba-hambaNya yang saleh

وَلَقَدْ كَتَبْنَا فِي الْزَّبُورِ مِنْ بَعْدِ الذِّكْرِ أَنَّ الْأَرْضَ يَرِثُهَا عِبَادِي الصَّالِحُونَ - الأنبياء 105

Maksudnya:

Dan demi sesungguhnya, Kami telah tulis di dalam kitab Zabur yang Kami turunkan sesudah ada tulisannya pada Lauh Mahfuz: "Bahawasanya bumi itu akan diwarisi oleh hamba-hambaKu yang soleh".

- d) Allah sebagai pewaris bumi dan apa yang ada di atasnya, dan semuanya akan kembali kepada Allah

إِنَّا نَحْنُ نَرِثُ الْأَرْضَ وَمَنْ عَلَيْهَا وَإِلَيْنَا يُرْجَعُونَ - مریم 40

Maksudnya:

Sesungguhnya Kamilah yang mewarisi bumi dan segala makhluk yang ada di atasnya; dan kepada Kamilah mereka akan dikembalikan.

- e) Manusia sebagai ahli waris bumi dituntut untuk mengambil pengajaran daripada apa yang berlaku di bumi ini dan kembali kepada ajaran Allah sekiranya terpesong dari ajaran al-Qur`an firman Allah :

²⁹ Angka ini mengikut apa yang penulis jumpa di dalam al-Qur`an

أَوْلَمْ يَهْدِ لِلّذِينَ يَرْثُونَ الْأَرْضَ مِنْ بَعْدِ أَهْلِهَا أَنَّ لَوْ نَشَاءُ أَصَبَّنَاهُمْ بِذُنُوبِهِمْ وَنَطْبَعُ عَلَى قُلُوبِهِمْ فَهُمْ لَا يَسْمَعُونَ - الأعراف : 100

Maksudnya:

Adakah yang demikian itu tersembunyi dan tidak jelas kepada orang-orang yang mewarisi negeri itu sesudah penduduknya (hilang lenyap kerana ditimpa bencana), bahawa kalau Kami kehendaki tentulah Kami akan menimpakan mereka pula dengan azab disebabkan dosa-dosa mereka, dan Kami menteraikan di atas hati mereka sehingga mereka tidak dapat mendengar (nasihat-nasihat pengajaran)?

- f) Manusia sebagai pewaris bumi perlu menanamkan sifat syukur kepada Allah atas warisan bumi

وَقَالُواْ اَلْحَمْدُ لِلّهِ الَّذِي صَدَقَنَا وَعْدَهُ وَأَوْرَثَنَا الْأَرْضَ نَتَبَوَّأُ مِنْهُ الْجَنَّةَ حَيْثُ شَاءَ فَيُعَمَّ اَجْرُ

الْعَدِيلِينَ - الزمر 74

Maksudnya:

Serta mereka berkata: " Segala puji tertentu bagi Allah yang telah menepati janjiNya kepada kami, dan yang menjadikan kami mewarisi bumi ini dengan sebebas-bebasnya, kami boleh mengambil tempat dari Syurga ini di mana sahaja kami suka; maka pemberian yang demikian ialah sebaik-baik balasan bagi orang-orang yang beramal".

- 5) Kitab-kitab Samawi (al-Qur`an, Zabur, Taurat dan Injil)

Kitab-kitab suci yang diturunkan kepada nabi dan rasul juga dikira sebagai warisan Allah, al-Qur`an juga telah memberi istilah warisan kepada kitab-kitab samawi antaranya firman Allah S.W.T.:

ثُمَّ أَوْرَثْنَا الْكِتَابَ الَّذِينَ أَصْطَفَيْنَا مِنْ عِبَادِنَا فَمِنْهُمْ ظَالِمٌ لِنَفْسِهِ وَمِنْهُمْ مُّقْتَصِدٌ وَمِنْهُمْ سَابِقٌ بِالْخَيْرَاتِ يَلِدُنْ اللَّهُ ذَلِكَ هُوَ الْفَضْلُ الْكَبِيرُ - فاطر : 32

Maksudnya:

Kemudian Kami jadikan Al- Quran itu diwarisi oleh orang-orang yang Kami pilih dari kalangan hamba-hamba Kami; maka di antara mereka ada yang berlaku zalim kepada dirinya sendiri (dengan tidak mengindahkan ajaran Al-Quran), dan di antaranya ada yang bersikap sederhana, dan di antaranya pula ada yang mendahului (orang lain) dalam berbuat kebaikan dengan izin Allah. Yang demikian itu ialah limpah kurnia yang besar (dari Allah semata-mata).

Hal yang sama dengan kitab Taurat yang diturunkan kepada nabi Musa a.s. firman Allah S.W.T.:

وَلَقَدْ أَتَيْنَا مُوسَى الْهُدَىٰ وَأَوْرَثْنَا بَنِي إِسْرَائِيلَ الْكِتَبَ³⁰

Maksudnya:

Dan sesungguhnya Kami telah memberikan Nabi Musa hidayah petunjuk dan Kami wariskan kaum Bani Israil Kitab Taurat.

فَخَلَفَ مِنْ بَعْدِهِمْ خَلْفٌ وَرَثُوا الْكِتَابَ يَأْخُذُونَ عِرْضَهُمْ هَذَا الْأَدْنَى وَيَقُولُونَ سَيَغْفِرُ لَنَا ... الْأَعْرَافُ 169

وَإِنَّ الَّذِينَ أُورِثُوا الْكِتَبَ مِنْ بَعْدِهِمْ لَفِي شَ�ءِ مِنْهُ مُرِيبٌ³¹

Maksudnya:

Dan sesungguhnya orang-orang yang diberikan Allah mewarisi Kitab ugama kemudian daripada mereka, berada dalam keadaan syak yang menggelisahkan terhadap Kitab itu.

Kesemua ayat di atas menunjukkan bahawa kitab-kitab yang Allah turunkan ke bumi adalah warisan Allah, sama ada al-Qur`an yang diturunkan kepada Nabi Muhammad saw ataupun yang diturunkan kepada nabi-nabi sebelum Nabi Muhammad saw. Dan warisan yang berupa kitab suci bukan setakat dikenang tetapi lebih kepada penghayatan dan amalan.

6) Harta pusaka

Harta warisan dalam al-Qur`an hanya disebutkan dalam konteks ilmu faraid atau hukum-hukum yang berkaitan pembahagian harta pusaka, di dalam al-Qur`an Allah telah disebutkan secara terperinci dalam surah al-Nisa ayat 11, 12, 19,176. dan kesemuanya berkaitan dengan bentuk pembahagian harta pusaka, kadar peratusan pembahagian $\frac{1}{2}$, $\frac{2}{3}$, $\frac{1}{3}$, $\frac{1}{4}$, $\frac{1}{6}$, $\frac{1}{8}$. dan lain-lain lagi.

7) Syurga

Syurga adalah tempat balasan orang yang beriman nanti di hari akhirat, manakala neraka bagi orang kafir. Di dalam al-Qur`an syurga adalah termasuk warisan yang akan diwariskan kepada orang yang beriman. Antara ayat-ayat al-Qur`an yang menyatakan syurga adalah warisan adalah :

تَلَكَ الْجَنَّةُ الَّتِي نُورِثُ مِنْ عَبَادَنَا مِنْ كَانَ تَقِيَاً - مَرِيمٌ 63
أُولَئِكَ هُمُ الْوَارِثُونَ . الَّذِينَ يَرْثُونَ الْفَرْدَوْسَ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ - الْمُؤْمِنُونَ 10-11
وَاجْعَلْنِي مِنْ وَرَثَةِ جَنَّةِ النَّعِيمِ - الشَّعْرَاءُ 85
وَتَلَكَ الْجَنَّةُ الَّتِي أُورِثْنَا هُوَ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ - الزَّحْرَفُ 72
وَنَوْدُوا إِنْ تَلَمِّسُوهَا بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ . الْأَعْرَافُ : 43

Imam al-Razy menyebutkan bahawa syurga diistilahkan sebagai warisan kepada orang yang beriman adalah ungkapan *isti`arah* artinya Allahkekalkan atasnya syurga sebagaimana kekalnya harta pusaka kepada pewarisnya³². Manakala al-Biqā`I menyebutkan bahawa peristilahan warisan diberi kepada orang yang beriman kerana ianya seperti harta pusaka yang hanya diberi setelah berlakunya kematian.³³

8) Gunung Thur Sina

³⁰ Ghafir : 53

³¹ Al-Syura : 14

³² Fakhr al-Razy, Abu ^cAbd Allah Muhammad bin ^cUmar bin al-Hasan bin al-Husain al-Taymy al-Bakry al-Razy, *Mafātīh al-Gayb*, Dār al-Kutub al-`Ilmiyah,1999, Beirūt, Juzuk 20, Cet I, Hal 309.

³³نظم الدرر في تناسب الآيات والسور للباقي ص 309

Gunung Thur Sina yang terletak di utara Mesir menginggalkan beberapa kisah sejarah penginggalan Nabi Musa a.s. bersama kaumnya, Gunung Thur Sina diabadikan namanya di dalam al-Qur'an dengan sebutan طور سيناء, طور سيناء, الظور yang disebutkan sebanyak 10 kali. Perkataan Sina dikatakan bermaksud baik atau penuh dengan pokok-pokok atau tinggi³⁴, Gunung ini oleh kerajaan Mesir dijadikan sebagai salah satu objek pelancongan, salah satu daya tarikan gunung ini adalah di puncak Thur Sina dapat menyaksikan indahnya pemandangan dan pada waktu pagi dan petang dapat melihat matahari terbit dan terbenam, di samping itu pada musim sejuk juga dapat menyaksikan ketulan-ketulan salji di atasnya. Antara pristiwa-pristiwa yang pernah berlaku pada Gunung Thur Sina bersama Nabi Musa a.s. adalah:

- Dialog antara Allah dan Nabi Musa a.s.(al-A`raf: 142, Maryam : 52)
- Nabi Musa Menerima Wahyu dan kitab Taurat(Taha : 9-14, Taha : 80)
- Pokok Zaitun adalah pokok yang asal tumbuhnya di kawasan Gunung Tursina, yang mengeluarkan minyak dan lauk bagi orang-orang yang makan.(al-Mu`minun : 20)
- Setelah Nabi Musa menyempurnakan tempoh kerjanya selama 8 atau 10 tahun sebagai syarat mengahwini putri Nabi Ayub a.s. dan mendapat izin berjalan dengan isterinya kembali ke Mesir, ia melihat (dalam perjalannya itu) api dari sebelah Gunung Tursina. Ketika itu berkatalah ia kepada isterinya: "Berhentilah; sesungguhnya aku ada melihat api, semoga aku dapat membawa kepada kamu sesuatu berita dari situ, atau sepuntung dari api itu, supaya kamu dapat memanaskan diri".(al-Qasas: 29)
- Allah mengancam kaum nabi Musa as. Dengan mengangkat Gunung Thur Sina di atas mereka. (al-Baqarah: 63,93, al-Nisa : 154)

9) Gua (hira, thur, dan Ashabul Kahfi)

Di dalam Islam terdapat 3 gua yang memiliki nilai warisan sejarah iaitu gua hira, gua thur dan gua ashabul kahfi. Ketiga gua ini masih sering dikunjungi oleh umat Islam dari seluruh dunia sekalipun tiada nas yang mengharuskan ziarah.

Gua hira:

Gua ini sangat terkenal dalam sejarah Islam , kerana di gua itulah Nabi Muhammad saw diangkat menjadi rasul, di situ pula turunya ayat yang pertama, iaitu surah al-Alaq 1-5, bahkan sebelum menerima wahyu yang pertama , rasulullah menjadikan gua hira sebagai tempat beribadah dan mengasingkan diri.

Letak gua hira di puncak gunung Jabal Nur, di Bahagian utara kota Mekah, sekitar 5 km dari masjidil haram, tinggi puncak sekitar 200 m³⁵.

Gua Tsur

Gua Tsur menjadi penting kerana di situlah Nabi Muhammad saw dan Abu Bakar al-Siddiq r.a. bersembunyi dari ancaman pembunuhan kaum kafir mekah ketika hendak berhijrah ke medinah,

Gua Tsur ini terletak di puncak Jabal Tsur , letaknya sekitar 7 km dari mesjid haram, arah ke Thaif, sebelum Arafah dari arah Kudai, bila diperhatikan bentuk gua ini bagaikan

³⁴ Tanṭawy, Muhammad al-Sayyid, *al-Tafsīr al-Wasith li al-Qur'an al-Karīm*, Dār al-Ma‘ārif, al-Qāhirah, 1984, , hal 343.

³⁵ Muslim Nasution, Tapak sejarah seputar mekah dan medinah, Gema Insani , Jakarta , 1999, hlm 50

kuali yang ditelengkupkan, peristiwa Nabi Muhammad s.a.w. dan Abu Bakar r.a. di gua ini diabadikan oleh Allah di dalam al-Qur'an dalam surah al-Taubah : 40 :

إِلَّا تَنْصُرُوهُ فَقَدْ نَصَرَهُ اللَّهُ إِذَا أَخْرَجَهُ الَّذِينَ كَفَرُوا ثَانِيَّ أَثْيَنِ إِذْ هُمَا فِي الْغَارِ إِذْ يَقُولُ
لِصَاحِبِهِ لَا تَحْزُنْ إِنَّ اللَّهَ مَعَنَا فَأَنْزَلَ اللَّهَ سَكِينَتَهُ عَلَيْهِ وَأَيَّدَهُ بِجُنُودٍ لَمْ تَرَوْهَا وَجَعَلَ كَلِمَةَ
الَّذِينَ كَفَرُوا أَسْفَلَيْ وَكَلِمَةُ اللَّهِ هِيَ الْأَعْلَى وَاللَّهُ أَعْرِيزُ حَكِيمٌ

Maksudnya:

Kalau kamu tidak menolongnya (Nabi Muhammad) maka sesungguhnya Allah telahpun menolongnya, iaitu ketika kaum kafir (di Makkah) mengeluarkannya (dari negerinya Makkah) sedang ia salah seorang dari dua (sahabat) semasa mereka berlindung di dalam gua, ketika ia berkata kepada sahabatnya: "Janganlah engkau berduakacita, sesungguhnya Allah bersama kita". Maka Allah menurunkan semangat tenang tenteram kepada (Nabi Muhammad) dan menguatkannya dengan bantuan tentera (malaikat) yang kamu tidak melihatnya. Dan Allah menjadikan seruan (syirik) orang-orang kafir terkebawah (kalah dengan sehina-hinanya), dan Kalimah Allah (Islam) ialah yang tertinggi (selama-lamanya), kerana Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

Ayat di atas mengisahkan antara lain peranan yang telah dimainkan oleh Gua Tsur dalam perjalanan hijrah Nabi Muhammad ke Medinah, di gua inilah nabi bersembunyi dari kejaran kaum musyrikin mekah, di sini jugalah Allah menunjukkan kebesarannya.

Gua ashabul kahfi

Gua ashabul kahfi adalah gua yang pernah diduduki oleh 7 orang pemuda yang ditidurkan selama 309 tahun, namun HINGGA kini kedudukan gua yang menjadi lokasi persembunyian pemuda Ashabul Kahfi seperti diceritakan al-Quran menerusi surah al-Kahfi, masih menjadi teka-teki yang tidak terjawab. Ada yang mengatakan letaknya di turki, ada juga di Oman dan Syiria.

Bagi menjelaki lokasi gua Ashabul Kahfi, ahli tafsir meneliti beberapa 'petunjuk' yang tertera dalam surah berkenaan antaranya menerusi ayat ke-17, Allah berfirman:

وَتَرَى الشَّمْسَ إِذَا طَلَعَ تَرَوْزٌ عَنْ كَهْفِهِمْ ذَاتَ الْيَمِينِ وَإِذَا غَرَبَتْ تَقْرِضُهُمْ ذَاتَ الْشِمَالِ وَهُمْ فِي
فَجْوَةٍ مِنْهُ

Maksudnya:

Dan engkau akan melihat matahari ketika terbit, cenderung ke kanan dari gua mereka; dan apabila ia terbenam, meninggalkan mereka ke arah kiri, sedang mereka berada dalam satu lapangan gua itu. Yang demikian ialah dari tanda-tanda (yang membuktikan kekuasaan) Allah.

Seterusnya pada ayat ke-21 pula, Allah berfirman:

فَقَالُوا أَبْنُوا عَلَيْهِمْ بُنْيَانًا رَّبِيعُهُمْ أَعْلَمُ بِهِمْ قَالَ الَّذِينَ غَلَبُوا عَلَىٰ أُمُّرِيهِمْ لَنَتَخَذَنَّ عَلَيْهِمْ مَسْجِدًا

Maksudnya:

"... Setelah itu maka (sebahagian dari) mereka berkata: "Dirikanlah sebuah bangunan di sisi gua mereka, Allah jualah yang mengetahui akan hal ehwal mereka". orang-orang yang berkuasa atas urusan mereka (pihak raja) pula berkata: "Sebenarnya kami hendak membina sebuah masjid di sisi gua mereka".

Menerusi dua nas berkenaan, diketahui yang kedudukan pintu gua itu menghadap ke utara (berdasarkan cahaya matahari yang terbit dari timur atau kanan dan tenggelam ke barat atau kiri) serta berhampirannya pula terdapat rumah ibadat.

Penyelidik terus meneliti topografi muka bumi bagi mencari gua yang memiliki dua ciri itu. Hasil yang diperoleh membuatkan penyelidik kembali kebingungan kerana banyak sekali gua yang ditemui, memiliki ciri berkenaan. Bagaimanapun, terdapat dua gua yang paling diyakini sebagai gua Ashabul Kahfi iaitu di Ephesus serta Tarsus dan kedua-duanya terletak di Turki.³⁶.

Pendapat yang lain mengatakan bahawa gua ashabul kahfi berada di Syiria di kawasan Jabal Qassiyun. dan di sana telah dibangunkan mesjid sebagai tanda pelesatarian gua ashabul kahfi.

Letak gua Ashabul Kahfi terdapat banyak perbezaan pendapat, Ada yang mengatakan berada di Suriah, ada pula yang mengatakan di Turki, akan tetapi banyak yang berpendapat lokasi gua terdapat di Jordan di perkampungan Al-Rajib atau dalam Al-Quran di sebut Al-Raqim, yang berjarak 1.5 km dari kota Abu A'landa dekat kota Amman-Jordan. Bahkan Raja Abdullah ke 2 (Raja Jordan) telah merasmikan untuk mendirikan di muka gua Ashabul Kahfi masjid dan maahad yang diberi nama 'Masjid Gua Ahlul Kahfi' dan 'Ma'had Dakwah dan Dai'.³⁷.

Namun perbezaan pendapat mengenai letak sebenar gua Ashabul Kahfi bukan itu yang menjadi tujuan utama tetapi semangat untuk melestarikan warisan Islam itu sendiri.

4.0 AL-QUR`AN SEBAGAI WARISAN UNGGUL

Al Quran adalah warisan tuhan yang semestinya dilestarikan oleh umat manusia dalam bentuk iman dan amal, Namun di cela-cela penerimaan warisan, umat manusia dibahagikan kepada tiga golongan iaitu: golongan yang zalim, golongan yang moderate dan golongan manusia yang bersungguh-sungguh memperjuangkan kebaikan. Firman Allah S.W.T. :

ثُمَّ أَوْرَثْنَا الْكِتَابَ الَّذِينَ أَصْطَفَيْنَا مِنْ عِبَادِنَا فَمِنْهُمْ ظَالِمٌ لِنَفْسِهِ وَمِنْهُمْ مُقْتَصِدٌ وَمِنْهُمْ سَابِقٌ بِالْخَيْرَاتِ
بِإِذْنِ اللَّهِ ذَلِكَ هُوَ الْفَضْلُ الْكَبِيرُ - فاطر : 32

Maksudnya:

Kemudian Kami jadikan Al- Quran itu diwarisi oleh orang-orang yang Kami pilih dari kalangan hamba-hamba Kami; maka di antara mereka ada yang berlaku zalim kepada dirinya sendiri (dengan tidak mengindahkan ajaran Al-Quran), dan di

³⁶ <http://blogs.myspace.com/index.cfm?fuseaction=blog.view&friendId=27519927&blogId=297310553>

³⁷ http://potretsejarah.multiply.com/photos/album/5/Potret_Gua_Ashabul_Kahfi

antaranya ada yang bersikap sederhana, dan di antaranya pula ada yang mendahului (orang lain) dalam berbuat kebaikan dengan izin Allah. Yang demikian itu ialah limpah kurnia yang besar (dari Allah semata-mata).

Ayat di atas menjelaskan 3 elemen utama iaitu Allah sebagai pewaris, al-Qur`an sebagai warisan dan hamba sebagai penerima warisan, dan ini juga dibahagikan kepada 3 keadaan:

- Golongan yang tidak mahu menjaga warisan (zalim),
- Golongan yang bersikap sederhana,
- Golongan yang memperjuangkan kebaikan, bentuk inilah yang paling sempurna dan diperkuat lagi oleh ayat yang lain dengan memberi gelaran sebagai hamba yang soleh dan bertakwa. Firman Allah S.W.T.:

5.0 BENTUK-BENTUK PELESTARIAN WARISAN DALAM AL-QURAN

Terdapat pelbagai cara dan bentuk pelestarian warisan Islam, ada yang dilestarikan melalui pendekatan ritual keagamaan, sebagai symbol dan ada juga dalam bentuk amalan. Pendekatan-pendekatan berikut adalah merupakan bentuk bagaimana Islam melestarikan warisannya:

1. Dengan menjadikan Sebagai ibadah (contoh warisan Islam yang ada di Mekah dan sekitarnya)
 - a. Wukuf di Arafah
 - b. Mabit di Muzdalifah
 - c. Melontar Jamrah di Mina
 - d. Tawaf dan sa'i di Masjid al-Haram
 - e. Solat dua rakaat di belakang Maqam Ibrahim
2. Dengan membina monument bangunan atau meletak tanda di atasnya sebagai contoh binaan yang ada di Madinah al-Munawwarah:
 - a. Mesjid Qiblatain iaitu mesjid tempat turunya wahyu yang memerintahkan mengalihkan kiblat dari Baitul Maqdis ke Mesjid Haram. (al-Baqarah : 144, 149, 150)
 - b. Mesjid Quba ialah mesjid yang pertama kali dibina oleh Rasulullah ketika berhijrah dari Mekah ke Madinah
 - c. Sab'u masjid (tujuh masjid) adalah tempat sholat yang dibina pada waktu perang Khandak dan dijadikan mesjid
 - d. Pekuburan para syuhada perang Uhud
3. Dengan mewujudkan nilai pada warisan yang hendak dilestarikan
 - a. Warisan al-Qur'an
 - b. Warisan bumi dan langit

برثي ويرث من أل يعقوب واجعله رب رضيا - مريم 6

Maksudnya:

"Yang layak mewarisi daku, juga mewarisi keluarga Nabi Yaakub; dan jadikanlah dia - wahai Tuhanmu seorang yang direhsti dan disukai".

4. Dengan mengembalikan kepada Allah S.W.T. bahawa Dia adalah pemilik tunggal segala warisan yang ada di langit dan di bumi.

Maksudnya:

Dan sesungguhnya Kamilah yang menghidupkan dan yang mematikan, dan Kamilah yang kekal memiliki segala-galanya.

5. Dengan menjadikan sebagai amalan ibadah dalam islam seperti:

- a. Ibadah haji
- b. Seruan nabi ibrahim untuk melaksanakan ibadah haji
- c. Dan lain-lain.

6.0 KESIMPULAN

Al Quran kitab hidayah yang boleh djadikan sebagai rujukan ilmu dari pelbagai dimensinya termasuk persoalan warisan, bahkan al-Quran meletakkan istilah Warisan sebagai perbahasan yang penting dalam agama dengan menjelaskan contoh dan bentuknya bahkan tidak berhenti setakat istilah sahaja tetapi membincangkan juga proses pelestariannya yang sangat mendasar. Pelestarian warisan dalam Islam dapat disaksikan melalui bentuk ibadah, renungan dan amalan, di samping itu Islam menawarkan cara pelestariannya melalui berbagai macam pendekatan termasuk dengan meletak nama seperti mesjid Qiblatain, amalan seperti amalan-amalan haji dan umrah, mendirikan monument seperti sab`u masajid dan pekuburan syuhada di Jabal Uhud.

Warisan dalam al-Qur'an mengandungi nilai yang tinggi dan mulia, nilai ini dapat diperhatikan melalui bentuk-bentuk warisan dalam al-Qur'an, nilai warisan juga mengandungi pelbagai dimensi baik yang berbentuk real ataupun yang berbentuk ma'navi. Dalam kontek kekinian warisan Islam masih dipelihara, dilestarikan dan diamalkan mengikut ajaran dan tuntunan al-Qur'an.

RUJUKAN

Al-Qur'an al-Karim

Al-Mawardi, Abu al-Hasan ^cAli bin Muhammad bin Habib al-Basry al-Bughdady, *al-Nukat wa al-^cUyun*, Dar al-Kutub al-^cIlmiyah, Beirut, t.thn, JuzukII.

Al-Alusy, Shihab al-Din Mahmud ibn Abd Allah al-Husainy, *Ruh al-Maany fi Tafsir al-Qur'an al-Azim wa sab` al-Mathany*.

al-Biqa^ci, Burhan al-Din Abu al-Hasan Ibrahim bin ^cUmar, 1995, *Nazm al-Durar fi Tanasub al-Ayat wa al-Suwar*, Dar al-Kutub al-^cIlmiyah, Beirut, Juzuk 7, Cet 1.

Anwar Jundi, *Islam dan dunia kontemporer*, Gema Insani Press,

Fakhr al-Razy, Abu ^cAbd Allah Muhammad bin ^cUmar bin al-Hasan bin al-Husain al-Taymy
al-Bakry al-Razy, 1999, *Mafatih al-Gayb*, Dar al-Kutub al-^cIlmiyah, Beirut, Juzuk
20, Cet I,

G. Elliot Smith, The Royal Mummies

G. Maspero, Guide to the Cairo Museum, translated by J.E. and A.A. Quibell, 1903,

<http://blogs.myspace.com/index.cfm?fuseaction=blog.view&friendId=27519927&blogId=297310553>

<http://ibnumariam.wordpress.com/2010/01/06/penemuan-mummi-fir% E2% 80% 99aun-dan-kebenaran-al-quran/>

<http://www.penerbit.usm.my/pen2006/SSU/MABbm.html>

<http://blogs.myspace.com/index.cfm?fuseaction=blog.view&friendId=27519927&blogId=297310553>

Ibn Kathir, Isma^cil Bin ^cUmar bin Kathir Al-Dimashqy Abu Al-Fida` , *Tafsir Al-Qur`an Al-Azim*, Tahqiq Muhammad ^cAli Al-Sabuny, Dar Al-Qur`an Al-Karim Beirut, Cet.1, 1393H Jilid II.

Ibn Kathir, Isma^cil Bin ^cUmar bin Kathir Al-Dimashqy Abu Al-Fida, *Qasas al-Anbiya* juzuk 1

Ibn Qayyim, *Zad al-Ma`ad* juzuk 2.

Kamus Dewan edisi ke 4

Khalidy, salah abd al-Fattah, 1999, ma`a *Qasas al-Sabiqina fi al-Qur`an*, terjemahan Setiawan Budi Utomo, Gema Insani Press, Jakarta.

Tantawy, Muhammad al-Sayyid, 1993, *al-Tafsir al-Wasith li al-Qur`an al-Karim*, Dar al-Ma^carif, al-Qahirah, Juzuk 1.

Manna` Khalil al- Qattan, 2000, *Mabahith fi Umul al-Qur`an*, Muassasah al-Risalah, Beirut.

Muslim Nasution, 1999, *Tapak sejarah seputar mekah dan medinah*, Gema Insani , Jakarta .